



Fakulti Bahasa dan Komunikasi

**Imej Haiwan dan Akal Budi dalam Masyarakat India: Satu Kajian
Semantik Inkuisitif**

Tangaprabu a/l Murthy

**Sarjana Sastera
2021**

Imej Haiwan dan Akal Budi Masyarakat India: Satu Kajian Semantik
Inkuisitif

Tangaprabu a/l Murthy

Tesis ini dikemukakan

Sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana Sastera

(Linguistik Terapan)

Fakulti Bahasa dan Komunikasi
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK

2021

PERAKUAN

Saya mengaku bahawa kerja-kerja dalam tesis ini telah dibuat berdasarkan peraturan-peraturan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan adalah asli. Tesis ini tidak pernah diterima untuk sebarang ijazah dan tidak dikemukakan secara serentak bagi sebarang pencalonan ijazah lain.

.....

Tandatangan

Nama : Tangaprabu a/l Murthy

No. Matrik : 18020014

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Malaysia Sarawak

Tarikh :

PENGHARGAAN

Melalui peluang keemasan ini, saya Tangaprabu a/l Murthy amat bersyukur kehadiran Illahi kerana berkat dan nikmat serta kurniaan daripada-Nya, akhirnya dapat juga saya menyiapkan penyelidikan saya ini. Terlebih dahulu saya ingin menunjukan penghargaan dan terima kasih kepada ahli keluarga saya yang banyak membantu dalam hal kewangan dan tenaga sepanjang menyiapkan penyelidikan saya ini.

Saya juga merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Dr.Fatimah Hj. Subet dan Dr. Hamidah binti Abdul Wahab selaku penyelia kertas penyelidikan ini yang sentiasa memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada saya. Kedua-kedua penyelia telah memberi bimbingan dan pendekatan-pendekatan yang dinamik bagi membantu saya menghasilkan kertas penyelidikan yang bermutu dan berkualiti.

Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada informan yang sudi meluangkan masa untuk ditemu bual. Kesemua informan telah bekerjasama dengan memberi informasi-informasi yang amat berguna untuk menghasilkan kertas penyelidikan ini.

Akhir sekali, saya ingin mengambil kesempatan ini bagi merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam usaha menjayakan kertas penyelidikan.

ABSTRAK

Peribahasa merupakan salah satu komponen tradisi lisan yang diguna pakai sejak turun-temurun. Keistimewaan peribahasa tidak hanya menyerlah dari segi susunan perkataan malah memiliki makna tersirat sebaliknya. Namun demikian, masyarakat kini kurang menghayati peribahasa. Sebanyak 11 data peribahasa Tamil digunakan untuk mengenal pasti maksud tersirat dan menghuraikan pengaruh budaya serta akal budi penutur dalam peribahasa tersebut menggunakan pendekatan semantik inkuisitif. Kajian ini berbentuk kualitatif. Kajian ini dilaksanakan melalui temubual terhadap 15 orang informan dengan mengambil kira ulasan serta penerangan terhadap peribahasa Tamil. Kajian ini dapat mencungkil kearifan dan kebijaksanaan masyarakat India pada zaman dahulu yang tinggi akal budinya di samping melihat fenomena yang berlaku dalam peribahasa-peribahasa Tamil yang mempunyai unsur haiwan.

Kata kunci: Peribahasa Tamil, akal budi penutur, unsur haiwan, bahasa Tamil, semantik inkuisitif.

***Animal Image and Cognitive Development among Indians:
An Inquisitive Semantics Study***

ABSTRACT

Proverbs are one of the components of the oral tradition that has been used for generations. The proverbs stand out in terms of its word order and has unique implicit meaning. However, society is now less appreciative of proverbs. This study is a qualitative research. Therefore, this study aims to identify the implicit meaning of 11 Tamil proverbs that use animal images, analyze and describe the influence of culture and common sense in the proverb using an inquisitive semantic approach. This study was conducted through interviews with 15 informants and comments as well as explanations made on Tamil proverbs. This study can unearth the wisdom and tact of the Indian people in ancient times who are highly intelligent besides looking at the phenomena that occur in Tamil proverbs that have animal images.

Keywords: *Tamil proverbs, common sense, inquisitive semantics, animal images, Tamil language*

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
PERAKUAN	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
<i>ABSTRACT</i>	iv
ISI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	ix
SENARAI SINGKATAN	xi
BAB 1: PENGENALAN	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar belakang kajian	2
1.3 Permasalahan kajian	5
1.4 Objektif kajian	7
1.5 Persoalan kajian	7
1.6 Definisi operasional	7
1.6.1 Makna implisit	7
1.6.2 Imej haiwan	8
1.6.3 Akal budi	8
1.7 Kepentingan kajian	9
1.8 Batasan kajian	11
1.9 Kesimpulan	12

BAB 2: TINJAUAN LITERATUR	13
2.1 Pengenalan	13
2.2 Kajian peribahasa di Malaysia	14
2.3 Kajian peribahasa di luar negara	28
2.4 Ulasan kritis kajian lepas	29
2.5 Kesimpulan	30
BAB 3: METODOLOGI KAJIAN	32
3.1 Pengenalan	32
3.2 Kaedah kajian	33
3.3 Data kajian	35
3.3.1 Demografi informan	37
3.3.2 Analisis kajian	39
3.3.3 Kerangka semantik inkuisitif	40
3.4 Contoh analisis data peribahasa Tamil menggunakan imej rusa (ஓநாயகம்)	46
3.5 Kesimpulan	55
BAB 4: ANALISIS DAN PERBINCANGAN	56
4.1 Pengenalan	56
4.2 Analisis dan perbincangan data peribahasa Tamil berimej haiwan	56
4.2.1 Peribahasa Tamil imej katak (<i>thavalei</i>)	57
4.2.2 Peribahasa Tamil imej keldai (<i>kaluthai</i>)	85
4.2.3 Peribahasa Tamil imej lembu (<i>maadu</i>)	98

4.2.4	Peribahasa Tamil imej anak lembu (<i>kandru</i>)	114
4.2.5	Peribahasa Tamil imej ikan (<i>meen</i>)	121
4.2.6	Peribahasa Tamil imej gajah (<i>aanai</i>)	131
4.2.7	Peribahasa Tamil imej kera (<i>kuranggu</i>)	149
4.3	Kesimpulan	161
BAB 5: KESIMPULAN		162
5.1	Pengenalan	162
5.2	Rumusan	162
5.3	Cadangan kajian masa hadapan	164
5.4	Kesimpulan	166
RUJUKAN		168
LAMPIRAN		177

SENARAI JADUAL

		Muka surat
Jadual 3.1	Data peribahasa Tamil yang digunakan dalam analisis kajian ini	35
Jadual 3.2	Maklumat informan dan kod yang digunakan	38
Jadual 3.3	Diskripsi data “Puthimaan palavaan”	46
Jadual 4.1	Diskripsi data “Kenethru thavalei”	57
Jadual 4.2	Diskripsi data “Thavalai than vaayaar kedum”	71
Jadual 4.3	Diskripsi data “Oru thavalaiku nattai en ore thavalai”	78
Jadual 4.4	Diskripsi data “Vara vara maamiyar kaluthai pola aanaar”	85
Jadual 4.5	Diskripsi data “Adiyaatha maadu paniyathu”	98
Jadual 4.6	Diskripsi data “Ilankandru bayam ariyathu”	114
Jadual 4.7	Diskripsi data “Meen kunjukku neecal pazhaga venduma”	121
Jadual 4.8	Diskripsi data “Aanaikum adi sarukum”	131
Jadual 4.9	Diskripsi data “Aanai varum pinne, mani osai varum munney”	137
Jadual 4.10	Diskripsi data “kuranggu kaiyil kadaitha poomalai pola”	149

SENARAI RAJAH

		Muka surat
Rajah 3.1	Tahap analisis data dalam kerangka semantik inkuisitif	44
Rajah 3.2	Seri Rama dan rusa	54
Rajah 4.1	Perigi di negara India	65
Rajah 4.2	Kedalaman sesebuah perigi	65
Rajah 4.3	Animasi katak di dalam perigi	67
Rajah 4.4	Keldai digunakan untuk menghantar buku	90
Rajah 4.5	Pokok kecubung	95
Rajah 4.6	Aktiviti membajak tanah menggunakan lembu	103
Rajah 4.7	Cara pemasangan ladam pada tapak kaki lembu	105
Rajah 4.8	Cara pemprosesan minyak lenga menggunakan kaedah tradisional	105
Rajah 4.9	Dua ekor lembu sedang menarik <i>ratham</i>	107
Rajah 4.10	Bahagian tubuh lembu yang menunjukkan kedudukan dewa dewi dalam agama Hindu	107
Rajah 4.11	Pembakaran jenazah menggunakan najis lembu yang sudah dikeringkan	110
Rajah 4.12	Lembu yang telah diwarnakan tanduknya	111
Rajah 4.13	Pertandingan <i>jallikattu</i>	112
Rajah 4.14	Patung Nandhi di kuil	113
Rajah 4.15	Ikan	127
Rajah 4.16	Rantai loceng pada leher gajah	140
Rajah 4.17	Seekor gajah sedang melakukan kerja-kerja mengangkat	142

	barang	
Rajah 4.18	Seekor gajah yang dipelihara di sebuah kuil di India memberi restu kepada penganut yang datang untuk sembayang	143
Rajah 4.19	<i>Kovil aanai</i> menikmati makanannya di kuil	144
Rajah 4.20	Dewa Vinayagar	147
Rajah 4.21	Dewa monyet (<i>Hanuman</i>)	155
Rajah 4.22	Kalungan bunga	157
Rajah 4.23	Tempat perkuburan masyarakat India	159

SENARAI SINGKATAN

IL	Informan lelaki
ILM	Informan lelaki Menengah (pendidikan sekolah menengah)
ILR	Informan lelaki Rendah (pendidikan sekolah rendah)
ILS	Informan lelaki sendiri (hanya belajar di rumah)
IP	Informan perempuan
IPM	Informan perempuan Menengah (pendidikan sekolah menengah)
IPR	Informan perempuan Rendah (pendidikan sekolah rendah)
IPS	Informan perempuan sendiri (hanya belajar di rumah)
NORF	Non-mobile (tinggal tetap), Older (tua), Rural (luar bandar) dan Female (Perempuan)
NORM	Non-mobile (tinggal tetap), Older (tua), Rural (luar bandar), Male (lelaki)
RRS	Rangka Rujuk Silang
TR	Teori Relevans

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bahasa menjadi suatu identiti khas bagi sesebuah masyarakat. Begitu juga dengan bahasa Tamil. Bahasa tersebut merupakan satu lambang identiti utama bagi bangsa India. Asal usul bahasa Tamil bertapak di negara India. Menurut Paranthamanaar (1999), bahasa Tamil merupakan bahasa yang paling bertamadun dan berkembang dalam kalangan bahasa Dravida, serta menjadi bahasa tertua malah kaya dengan kosa kata. Walau bagaimanapun, menjadi satu perkara yang sukar untuk menentukan usia bahasa dan sasteranya dengan tepat. Di samping itu, bahasa Tamil juga dikatakan merupakan salah satu bahasa yang paling tua selepas bahasa Latin. Jika dilihat dengan teliti, bahasa Tamil kaya dengan budaya kesusasteraan dan unsur tatabahasa yang lengkap. Menurut Paranthamanaar (1999), teks terawal bahasa Tamil yang ditemui bertajuk '*Tolkappiyam*' yang bermakna buku klasik iaitu sebuah buku yang dapat mencerminkan tatabahasa Tamil. Buku tersebut dianggarkan ditulis pada abad ke-4 SM. Oleh hal yang demikian, kajian ini berpendapat bahawa masyarakat India sememangnya maju dari segi penggunaan bahasa, nilai kesopanan, budaya. Menurut Paranthamanaar (1999), bahasa Tamil merupakan bahasa yang paling bertamadun. Jika sesebuah bahasa itu bertamadun, maka sudah semestinya masyarakatnya juga merupakan masyarakat yang bertamadun. Malah masyarakat India juga memiliki peribahasa, kiasan, perbahasan, dan simpulan bahasa. Tidak mustahil bagi masyarakat India untuk menghasilkan peribahasa. Hal ini dikatakan demikian kerana, terdapat banyak penemuan manuskrip lama masyarakat India. Masyarakat yang menulis manuskrip pasti dapat menghasilkan peribahasa berdasarkan pengalaman mereka. Oleh itu,

kajian ini akan melihat pengaruh budaya dan akal budi masyarakat tersebut melalui peribahasa.

1.2 Latar belakang kajian

Peribahasa digunakan dengan tujuan untuk menyampaikan maksud yang tertentu dengan cara yang cukup halus atau berlapik. Perkara yang dinyatakan oleh Zahid (1998) benar kerana pada masa dahulu masyarakat tidak suka menyinggung perasaan seseorang begitu sahaja. Mereka lebih gemar menggunakan bahasa-bahasa kiasan ibarat, seperti bahasa kiasan, peribahasa, simpulan bahasa dan sebagainya. Peribahasa ialah segala susunan cakap yang pendek yang telah melekat di mulut orang ramai sejak beberapa lama oleh sebab sedap dan bijak perkataannya, luas dan benar tujuannya dan dipakai akan dia jadi sebutan-sebutan oleh orang sebagai bandingan, teladan, dan pengajaran (Ahmad, 1965). Di samping itu, Zahid (1998) turut mengatakan bahawa penggunaan peribahasa ini sebenarnya mempunyai fungsi yang sangat menarik. Fungsi peribahasa adalah pelbagai bergantung pada pengguna. Contohnya, sesebuah peribahasa dapat dijadikan sebagai unsur nasihat, peringatan, kritikan tidak langsung dan amaran bagi tujuan memberitahu seseorang tentang cara untuk membezakan perkara yang baik dan buruk.

Penggunaan peribahasa berupaya membawa mesej yang bersifat nasihat tanpa menyinggung hati dan perasaan seseorang. Selain itu, menurut Abdullah (1997) peribahasa merupakan satu daripada cabang sastera lama, bukan sahaja bagi bangsa Melayu tetapi juga bagi hampir semua bangsa di dunia. Sebelum ada undang-undang yang mengawal perilaku hidup manusia bermasyarakat, orang bijak pandai dalam sesuatu bangsa pada zaman itu telah mencipta beberapa petua, nasihat atau petunjuk sebagai peraturan tata tertib pergaulan, tatasusila dalam pergaulan dan hubungan sesama manusia. Petua, nasihat atau

petunjuk itu diambil daripada alam sekeliling, contohnya daripada perangai dan sifat manusia, juga daripada sifat dan tabiat binatang, dan tumbuh-tumbuhan. Manakala, jika dilihat dari perspektif yang berbeza, Shamsuddin (2005) menyatakan bahawa apabila seseorang itu berbahasa atau ingin menyampaikan rasa hati, ada ketikanya kita berterusterang dan ada waktunya kita berselindung di sebalik kata-kata yang diungkapkan. Justeru pada waktu lain pula kita mungkin melakukan perbandingan sebagai suatu cara kita menyindir bagi menguatkan percakapan kita dan pada masa itu, kita menyulam percakapan kita dengan peribahasa. Melalui cara seperti ini, kata-kata yang diungkapkan akan memberi kesan kepada penerima atau pendengar.

Selain itu, dalam *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013), peribahasa persis ditakrifkan sebagai ayat atau kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap dan mengandungi pengertian yang tertentu.

Jika dilihat dengan teliti Malaysia terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum dan bangsa seperti Melayu, Cina, India, Iban, Murut, Dusun, dan sebagainya. Rakyat Malaysia sememangnya dikenali sebagai masyarakat yang mementingkan budi bahasa dan tinggi nilai kesopanan. Malah kita juga mempunyai beberapa peribahasa yang menyentuh nilai-nilai kesopanan dan budi bahasa. Contohnya, “budi bahasa budaya kita”, “Orang berbudi kita berbahasa, orang memberi kita merasa”, “Di mana kaki berpijak, di situ langit dijunjung”. Contoh-contoh ini menunjukkan perilaku kesopanan seseorang dalam sesuatu wilayah atau negeri. Oleh hal yang demikian, pandangan Ahmad (1965) dan Zahid (1998) dianggap tepat bahawa peribahasa merupakan suatu unsur yang menyampaikan mesej yang mempunyai maksud yang tersendiri atau maksud tersirat manakala jika dilihat pandangan Abdullah (1997) yang mengatakan bahawa peribahasa diguna pakai oleh semua bangsa. Hal ini adalah betul dan tepat. Buktinya masyarakat Cina dan India juga

mempunyai peribahasa malah kajian yang membandingkan peribahasa Tamil serta Bahasa Melayu juga pernah dilakukan oleh (Ragavan & Salleh, 2015) dalam kajian mereka iaitu “peribahasa Melayu dan peribahasa Tamil dari aspek sosial”. Seperti peribahasa Melayu, peribahasa Tamil juga meliputi simpulan bahasa, bidalan, perumpamaan, pepatah yang merupakan sebahagian daripada warisan orang India yang perlu dipelihara kerana kaya dengan nilai-nilai positif dan menjadi sebahagian daripada usaha untuk memartabatkan bahasa tersebut.

Sementara itu, peribahasa yang dicipta akan mempunyai unsur-unsur alam kerana masyarakat dahulu kala gemar melihat keindahan alam dan sekeliling mereka. Berdasarkan alam sekeliling dan alam semula jadi, mereka mencipta peribahasa. Contohnya dalam masyarakat Melayu terdapat peribahasa yang menggunakan unsur alam. Antaranya ialah, “hati gajah sama dilapah hati kuman sama dicecah”, “seperti itik pulang petang”, “bagai bulan jatuh ke riba”, “seperti pagar makan padi”, “hujan emas di negeri orang, hujan batu dinegeri sendiri”, “alang-alang menyeluk perkasam, biarlah sampai ke pangkal lengan”, “seperti mendengar guruh di langit, air tempayan dicurahkan”, “seperti udang disebalik batu” dan sebagainya. Kesemua contoh peribahasa itu dihasilkan melalui penelitian alam sekeliling. Menurut Jalaluddin (2014), setiap pembentukan peribahasa mesti memiliki analogi yang terdekat dengan kehidupan masyarakat. Walau bagaimanapun, kajian terhadap peribahasa Tamil adalah kurang jika dibandingkan dengan kajian peribahasa Melayu. Kebanyakan kajian peribahasa Tamil lebih memfokuskan imej tumbuhan dan kajian semantik yang memperlihatkan makna disebalik penggunaan peribahasa Tamil yang mempunyai imej haiwan adalah kurang di negara kita. Terdapat juga kajian-kajian yang menggunakan pendekatan semantik inkuisitif dalam peribahasa tetapi kebanyakannya merupakan kajian peribahasa Melayu. Oleh hal yang demikian,

peribahasa Tamil masih tidak dikupas maknanya dan diteliti. Walau bagaimanapun, kajian ini akan mengupas makna disebalik penggunaan peribahasa Tamil yang mempunyai imej haiwan secara mendalam agar masyarakat dapat mengetahui serba sedikit mengenai pemilihan setiap imej haiwan yang terdapat dalam peribahasa Tamil di samping mengenali budaya, akal budi serta nilai estetika yang terdapat di sebalik setiap peribahasa yang dipilih itu.

Dengan yang demikian, sudah terang lagi bersuluh bahawa peribahasa merupakan satu khazanah yang diguna pakai dari zaman dahulu sehingga kini untuk menyampaikan sesuatu idea, nasihat, pandangan, kritikan dan sebagainya dan mempunyai pengaruh dan impak yang terlalu kuat terhadap orang yang mendengar.

1.3 Permasalahan kajian

Salah satu permasalahan kajian yang dikenal pasti oleh pengkaji yang juga merupakan permasalahan utama ialah kekurangan kajian-kajian yang berkaitan dengan peribahasa. Peribahasa Tamil itu sendiri kurang dikaji secara ilmiah sehingga pembaca atau orang awam tidak mengetahui bentuk, strukturnya, makna di sebalik setiap pemilihan imej dan sebagainya. Oleh hal yang demikian, peribahasa Tamil ini perlu dikupas dan hurai secara lebih mendalam untuk umum mengetahuinya.

Kurangnya kajian lepas merupakan bukti yang menunjukkan betapa peribahasa Tamil ini kurang diberikan sehingga elemen penting dan unsurnya tidak diketengahkan. Contohnya, kajian Ragavan dan Salleh (2015) penyelidik hanya membandingkan peribahasa Melayu dengan peribahasa Tamil untuk menampakkan persamaan serta perbezaan antara kedua-dua bahasa dalam aspek sosial. Kajian yang dilaksanakan ini hanya bersifat bandingan antara dua bahasa iaitu bahasa Melayu dan juga bahasa Tamil.

Kajian berkaitan dengan peribahasa ada tetapi agak terbatas mengikut bahasa. Jika dilihat dengan teliti, kebanyakan kajian di negara kita lebih tertumpu pada bahasa Melayu. Terdapat juga kajian yang menjurus kepada peribahasa Tamil tetapi hanya tertumpu pada peribahasa Tamil yang menggunakan imej tumbuhan. Contohnya, kajian yang dilakukan oleh Murthy dan Subet (2018a; 2018b). Walaupun kajian tersebut menggunakan pendekatan semantik inkuisitif, kajian tersebut hanya tertumpu pada imej tumbuhan sahaja. Malah sehingga kini belum ada kajian yang tertumpu kepada peribahasa Tamil yang menjurus kepada penggunaan imej haiwan dalam peribahasa tersebut.

Di samping itu, jika dilihat dari segi pendokumentasian, kutipan data peribahasa Tamil agak terhad. Buku-buku peribahasa Tamil sememangnya ada di pasaran tetapi buku-buku tersebut meliputi keseluruhan peribahasa dan tidak khusus kepada peribahasa yang menggunakan imej haiwan. Selain itu, memang tidak dapat disangkal bahawa masyarakat kini kurang mengenali peribahasa-peribahasa yang kian lama dicipta dan digunakan oleh generasi-generasi sebelum kita. Malah terdapat juga sesetengah masyarakat yang mengenali serba sedikit peribahasa tetapi tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang makna yang ingin disampaikan melalui peribahasa tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana, pada masa dahulu peribahasa dicipta melalui pengamatan alam sekeliling dan setiap peribahasa tersebut mempunyai makna-makna yang mendalam serta tersirat. Kekurangan pengamatan budaya juga merupakan satu lagi pemasalahan dalam kajian ini. Masyarakat pada alaf siber ini, terutamanya kaum India kurang mengambil perhatian tentang unsur-unsur budaya mereka sendiri. Kebanyakan masyarakat India menganggap bahawa peribahasa hanya untuk tujuan akademik dan tidak mempunyai kaitan dengan budaya serta akal fikiran seseorang. Persepsi ini dapat diruntuhkan melalui kajian ini kerana kajian ini dapat membantu seseorang untuk mengenali budaya-budaya masyarakat

India yang digambarkan melalui peribahasa. Malah masyarakat juga akan mengetahui faktor-faktor yang menyebabkan masyarakat India memilih imej haiwan dalam penciptaan peribahasa. Melalui kajian ini juga masyarakat dapat mengetahui akal budi yang tersembunyi di sebalik penciptaan peribahasa Tamil.

1.4 Objektif kajian

Secara umum, kajian ini dijalankan untuk meneliti unsur makna yang wujud dalam peribahasa Tamil. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengenal pasti penggunaan peribahasa Tamil yang mempunyai imej haiwan.
- ii. Menganalisis dan menghuraikan pengaruh budaya dan akal budi dalam peribahasa Tamil yang mempunyai imej haiwan.

1.5 Persoalan kajian

Persoalan kajian dibentuk berdasarkan objektif yang telah ditetapkan.

- i. Mendokumentasikan peribahasa Tamil yang mempunyai imej haiwan.
- ii. Mendapatkan makna tersirat dan pengaruh budaya di sebalik peribahasa Tamil yang mempunyai imej haiwan.

1.6 Definisi operasional

1.6.1 Makna implisit

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013), makna implisit ditakrifkan sebagai sesuatu yang dinyatakan secara tidak langsung atau tidak terang-terangan, tersirat.

1.6.3 Imej haiwan

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2013), imej persis ditakrifkan sebagai gambaran atau bayangan. Haiwan pula didefinisikan sebagai makhluk (manusia dan binatang) yang bernyawa. Pengkaji menggunakan tujuh jenis imej haiwan dalam kajian ini, iaitu,

- i. Gajah: Sejenis mamalia dalam famili *Elephantidae* (berbadan besar dan mempunyai belalai dan gading) (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2013).
- ii. Katak: Sejenis binatang yang melompat, berkaki renang, berkulit licin dan tidak berekor (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2013).
- iii. Rusa: Sejenis binatang yang tanduknya bercabang-cabang dan memakan tumbuh-tumbuhan (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2013).
- iv. Lembu: Sejenis binatang ternakan untuk mendapatkan susu dan dagingnya, *Bos longifrons*, *Bos brachyceros*, dan lain-lain (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2013).
- v. Kera: Sejenis monyet (biasanya berekor panjang), *Macacus cynomolgus* (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2013).
- vi. Kerbau: Sejenis binatang seakan-akan kuda tetapi lebih kecil (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2013).
- vii. Ikan: Sejenis binatang yang hidup dalam air dan bernafas melalui insang (bertulang belakang) (*Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2013).

1.6.3 Akal budi

Akal budi merangkumi tingkah laku, pemikiran, cita rasa, nilai pengetahuan dan alam kerohanian masyarakat.

1.7 Kepentingan kajian

Kajian-kajian yang berkaitan peribahasa Tamil tidak dinafikan mempunyai kepentingannya tersendiri. Kajian ini juga mempunyai beberapa kepentingan. Antaranya ialah kajian ini dapat memberikan suatu ilmu yang baharu berkaitan dengan beberapa peribahasa masyarakat India yang menggunakan imej haiwan sebagai suatu wahana dalam peribahasa. Malaysia merupakan sebuah negara majmuk yang mempunyai pelbagai kaum dan rakyat Malaysia perlu mengetahui serta mengenali budaya setiap kaum di negara ini. Oleh hal yang demikian, kajian ini akan membantu seluruh lapisan masyarakat untuk memahami budaya kaum India melalui himpunan peribahasa.

Jika dilihat dengan teliti, peribahasa mempunyai kaitan yang rapat dengan budaya serta alam sekeliling. Di samping itu, peribahasa merupakan manifestasi pemikiran sesebuah komuniti. Oleh hal yang demikian, masyarakat dapat memahami pemikiran sesebuah bangsa melalui kajian ini. Selain itu, melalui kajian ini juga masyarakat terutamanya masyarakat India akan mula sedar akan kepentingan peribahasa yang kian lenyap dalam kalangan generasi muda. Kajian ini berpendapat bahawa, ada segelintir pihak yang mempunyai persepsi bahawa hanya orang Melayu sahaja yang mempunyai serta menggunakan peribahasa. Oleh hal yang demikian, kajian ini dapat mendedahkan kepada pembaca bahawa masyarakat India juga kaya dengan bahasa kiasan seperti peribahasa. Kajian dari sudut ilmiah ini juga akan menonjolkan aspek maknanya yang mendasari peribahasa Tamil dan menyerahkan keindahan bahasa di samping latar budaya masyarakat yang menuturkannya. Malah, kajian ini akan membantu para pengkaji yang ingin melakukan kajian-kajian berkaitan dengan peribahasa di samping menjadi satu panduan bagi melakukan kajian yang lebih mendalam. Kajian ini juga membantu para wiraswasta (orang yang bijak dan berkebolehan/generasi muda) untuk memahami budaya sesuatu

kaum dengan jelas dan tepat kerana kita dapat melihat budaya sesuatu kaum melalui peribahasa.

Melalui kajian ini juga, penyelidik dapat mendokumentasikan kutipan peribahasa yang hanya menggunakan imej haiwan serta maksud-maksud tersirat yang akan dikaitkan dengan budaya masyarakat India. Pendokumentasian itu akan membantu para penyelidik pada masa hadapan dan menjadi satu panduan bagi melakukan kajian yang berkaitan dengan peribahasa masyarakat India. Selain itu, berdasarkan contoh peribahasa yang dikemukakan, beberapa konsep yang terkandung dalam peribahasa seperti kebudayaan, kelestarian alam, ilmu-ilmu berlandaskan ekosistem dapat ditimbulkan. Jika dilihat dari segi sosial pula, masyarakat akan mula menggunakan peribahasa yang kian tidak digunakan secara meluas serta dapat mengelakkan penggunaan perkataan-perkataan yang boleh menyakitkan hati seseorang. Unsur-unsur peribahasa ini membantu masyarakat menggunakan perkataan berlapis agar dapat menjaga perasaan seseorang. Justeru, kita dapat mengelakkan perasaan syak wasangka dan sentimen perkauman dalam kalangan masyarakat serta dapat menghidupkan kembali hubungan silaturahim. Malah, warisan seni budaya, kesusasteraan serta peribahasa dapat dipertahankan pada alaf robotik ini dalam kalangan muda-mudi di negara kita. Para pembaca juga akan mula memahami serta menghayati isi dan inti pati yang terkandung dalam peribahasa sesuatu kaum. Hal ini secara tidak langsung akan menimbulkan minat untuk mengetahui, memahami, menjiwai serta mengkaji peribahasa yang kurang dikaji oleh pengkaji lain. Di samping itu, kajian ini juga mampu membantu institusi sekolah terutamanya bagi guru-guru yang mengajar bahasa Tamil untuk mengetahui secara lebih mendalam mengenai makna tersirat dan sebab pemilihan setiap imej dalam peribahasa.

1.8 Batasan kajian

Ruang lingkup dan batasan merupakan satu lagi elemen yang penting dalam sesuatu kajian. Hal ini dikatakan demikian kerana sebagai seorang penyelidik seseorang itu harus memastikan ruang lingkup dan batasan dalam kajian tersebut agar dapat memberi fokus kepada skop tersebut. Ruang lingkup dan batasan membantu sesuatu kajian itu berada di landasan yang betul agar tidak terpesong daripada tajuknya. Setiap kajian sudah semestinya mempunyai ruang lingkupnya. Dalam kajian ini, pengkaji juga mengaturkan ruang lingkup dan batasannya.

Pertama, penyelidik hanya mengkaji kiasan yang berbentuk peribahasa sahaja. Kiasan seperti simpulan bahasa, perumpamaan, hikayat tidak langsung diguna pakai dalam kajian ini. Selain itu, penyelidik hanya memilih sebelas peribahasa yang terdapat dalam satu bahasa sahaja iaitu bahasa Tamil. Kumpulan peribahasa daripada bahasa lain tidak dipilih untuk kajian ini. Jika dilihat dengan teliti terdapat banyak peribahasa dalam bahasa Tamil dan jika mengambil semua peribahasa itu maka hal itu akan memberi kekangan kepada pengkaji untuk mengkaji peribahasa tersebut kerana jumlahnya terlalu banyak. Oleh hal yang demikian, pengkaji mengambil keputusan untuk hanya memilih peribahasa yang hanya memiliki imej haiwan sahaja. Peribahasa selain imej haiwan tidak dipilih. Di samping itu, pengkaji juga begitu peka dalam pemilihan bidang kajian. Penyelidik memilih bidang semantik untuk mengkaji peribahasa tersebut agar mendapat makna disebalik penggunaan peribahasa yang menggunakan imej haiwan. Dalam pada itu, penyelidik membataskan lagi kajian dengan menumpukan kajian dalam bidang semantik inkuisitif sahaja. Namun demikian, semantik skrip dan semantik resonans juga digunakan untuk mendapat makna implisit setiap peribahasa yang menggunakan imej haiwan. Selain itu, penyelidik juga menggunakan beberapa konsep seperti semantik, masyarakat India, bahasa